

**Kerajaan Selangor Cuba Putar Belit Isu Hutang Talam - Tee Yong
Bernama
31 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Ketua Biro Profesional Muda MCA Datuk Chua Tee Yong pada Selasa mendakwa kerajaan Selangor cuba mematahkan kenyataannya selama ini dengan mendedahkan maklumat yang tidak lengkap dan memutarbelitkan isu hutang Talam Corporation Bhd (Talam) dengan kerajaan negeri itu.

Antaranya dakwaan oleh beberapa pemimpin kerajaan Selangor dan Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua sebelum ini kononnya kerajaan negeri ketika di bawah kepimpinan Barisan Nasional (BN) tidak berusaha untuk mengutip hutang-hutang daripada Talam, katanya.

Chua turut menyangkal kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Selangor, Teresa Kok Khamis lepas yang menyatakan bahawa kerajaan negeri terdahulu pernah cuba menyelesaikan hutang-hutang daripada Talam pada tahun 2005, 2006 dan 2007 menyebabkan kerajaan Selangor kini terikat dengan perjanjian penyelesaian hutang itu.

"Salah satu perjanjian penyelesaian hutang yang bertarikh 8 Mac 2007, tempoh sah lakunya adalah selama setahun iaitu sehingga 8 Mac 2008. Apabila kerajaan PR Selangor menandatangani perjanjian baru dengan Talam pada 12 Mac 2010, secara tidak langsung membuktikan perjanjian yang ditandatangani sebelum ini telah tamat tempoh sah laku," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat MCA di sini, pada Selasa.

Katanya, berdasarkan kepada hansard Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor dari tahun 2010 hingga 2011, tiada pendedahan oleh kerajaan Selangor bahawa ia masih terikat dengan perjanjian kutipan hutang Talam yang ditandatangani kerajaan BN terdahulu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684518>

